

Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar dan Hubungannya dengan Motivasi Guru di Sekolah Transformasi

Siti Norhafaizah Mahdi dan Jamalul Lail Abdul Wahab

Abstract – Instructional leadership is very significant in influencing school achievement, especially in teaching competence, motivation of teachers and student learning. Therefore, this survey study was conducted to determine the instructional leadership practices among headmasters and its relationship with the motivation of teachers in transformation schools. The population of this study is 203 transformational primary school teachers in Miri district. A total of 123 teachers were selected using a simple random sampling method to be the study sample. The instrument was administered using google form due to the current situation of Covid-19. This instrument is modified from the Leadership Behavior Description Questionnaire (LDBQ) and Questionnaire Measure of Individual Differences in Achieving Tendency (QMAT). The Cronbach Alpha value for the entire instrument construct is 0.95 which indicates that the instrument used is very good and effective with a high level of consistency. The data were analyzed using descriptive analysis and inferential analysis. The findings showed that the level of instructional leadership practices of transformational school headmasters was at a high level (mean = 4.47, s.p. = 0.59). This study also showed that the level of motivation of transformational school teachers was at a high level (mean = 4.37, s.p. = 0.65). Pearson correlation analysis showed that there was a strong positive relationship between headmasters' instructional leadership practices and teachers motivation levels in transformational schools ($r = 0.73, p < 0.01$), thus rejecting the null hypothesis of this study. It is hoped that these findings can provide an overview to the Aminuddin Baki Institute (IAB), State Education Department (JPN) and District Education Office (PPD) so that courses and training for headmasters can be designed and prepared to strengthen the instructional leadership of headmasters.

Keywords – Leadership, Instructional leadership, Teachers' motivation, Transformational school, Headmaster, School management

Abstrak – Kepimpinan instruksional sangat penting dalam mempengaruhi prestasi sekolah, khususnya dalam kompetensi pengajaran, efikasi dan motivasi guru serta pembelajaran murid. Justeru kajian tinjauan ini dijalankan bagi mengenal pasti amalan kepimpinan instruksional guru besar serta hubungannya dengan motivasi guru di sekolah transformasi. Populasi kajian ini adalah 203 orang guru sekolah rendah transformasi di daerah Miri. Seramai 123 orang guru telah dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah untuk menjadi sampel kajian. Instrumen kajian ditadbir dengan menggunakan ‘google form’ secara atas talian kerana

situasi semasa negara yang dilanda Covid-19. Instrumen ini diubah suai daripada instrumen ‘Leadership Behavior Description Questionnaire’ (LDBQ) dan ‘Questionnaire Measure of Individual Differences in Achieving Tendency’ (QMAT). Nilai Cronbach Alpha bagi keseluruhan konstruk instrumen adalah 0.95 yang menunjukkan instrumen yang digunakan adalah sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi. Data kajian dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar sekolah transformasi adalah pada tahap yang tinggi (min = 4.47, s.p. = 0.59). Kajian ini juga menunjukkan tahap motivasi guru sekolah transformasi berada pada tahap yang tinggi (min = 4.37, s.p. = 0.65). Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat antara amalan kepimpinan instruksional guru besar dan tahap motivasi guru di sekolah transformasi ($r = 0.73, p < 0.01$), sekaligus menolak hipotesis nul kajian ini. Dapatkan ini diharapkan dapat memberi gambaran kepada pihak Institut Aminuddin Baki (IAB), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) agar kursus-kursus dan latihan-latihan guru besar dapat dirangka dan disedia bagi memantapkan kepimpinan instruksional guru besar. Kesimpulannya, amalan kepimpinan instruksional yang mantap dapat memotivasi guru-guru dalam menghasilkan produk yang hebat.

Kata kunci – Kepimpinan, Kepimpinan instruksional, Motivasi guru, Sekolah transformasi, Guru besar, Pengurusan sekolah

I. PENGENALAN

Kepimpinan instruksional sangat signifikan dalam mempengaruhi prestasi sekolah, pembelajaran murid, kompetensi pengajaran dan efikasi serta motivasi guru (Azeez, Ibrahim & Mustapa, 2017; Hallinger, Heck & Murphy, 2014). Menurut Eng dan Ramiah (2013), kepimpinan instruksional merupakan perlakuan dan tindakan pemimpin sekolah untuk memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bertepatan dengan makna istilah ‘instruksional’ itu sendiri yang terbit dari kata dasar ‘instruct’ dalam bahasa Inggeris yang membawa maksud ‘ajar’. Oleh itu, kepimpinan instruksional penting dalam mempengaruhi pembelajaran murid (Hallinger, 2018).

Menurut Boyce dan Bowers (2018), kepimpinan instruksional merupakan aspek pentadbiran pendidikan yang dikaji sejak 30 tahun yang lalu. Hal ini menunjukkan betapa peranan kepimpinan instruksional tidak boleh dipandang enteng dalam dunia pendidikan. Walaupun bidang ini telah lama dikaji, namun Boyce dan Bowers

Siti Norhafaizah Mahdi, University Kebangsaan Malaysia (Emel: faizahfaiz85@gmail.com).

Jamalul Lail Abdul Wahab, University Kebangsaan Malaysia (Emel: jamall64@ukm.edu.my).

(2018) menjelaskan terdapat perbezaan konsep dalam kepimpinan instruksional seiring dengan peredaran masa. Menurut teori Hallinger dan Murphy (1985), Model Kepimpinan Instruksional merangkumi tiga dimensi meliputi dimensi visi sekolah, mengurus program instruksional dan mewujudkan iklim sekolah yang positif. *National Association of Secondary Principals* (2010) pula memperkenalkan Model Kemahiran Mentadbir Kepimpinan Instruksional Abad Ke-21 yang merangkumi empat dimensi meliputi dimensi kepimpinan pendidikan, menyelesaikan masalah kompleks, komunikasi serta membangunkan diri dan orang lain. Yasim, Mansor dan Ab Hamid (2020) telah menggabungkan kedua-dua model tersebut dan menghasilkan Model Kepimpinan Instruksional Abad Ke-21 yang mempunyai tujuh dimensi. Perubahan ini membuktikan bahawa amalan kepimpinan instruksional sentiasa ditambahbaik dari semasa ke semasa.

Banyak kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti tahap kepimpinan instruksional pengetua (Bhaskaran & Hamid, 2020; Ghavifekr, Radwan & Velarde, 2019; Ismail et. al., 2018; Md Yasin & Mohd Hamzah, 2018; Si-Rajab & Musa, 2020). Kajian-kajian ini berfokuskan kepada sekolah menengah di mana amalan kepimpinan instruksional pengetua didapati berada pada tahap yang tinggi (Ismail et. al., 2018; Md Yasin & Mohd Hamzah, 2018; Si-Rajab & Musa, 2020) dan mempunyai hubungan positif yang sederhana kuat dengan komitmen guru (Md Yasin & Mohd Hamzah, 2018). Walau bagaimanapun, Amin dan Hamzah (2021) membuat kajian di sekolah rendah dan mendapati amalan kepimpinan instruksional guru besar mempunyai hubungan signifikan yang kuat dengan komitmen guru.

Walaupun banyak kajian berkaitan kepimpinan intruksional telah dijalankan, namun masih kurang kajian berkaitan kepimpinan instruksional yang berfokuskan kepada sekolah transformasi. Oleh itu, hal ini telah menarik minat dan perhatian pengkaji untuk mengkaji hubungan antara amalan kepimpinan instruksional guru besar dan hubungannya dengan motivasi guru di sekolah transformasi. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada Institut Aminuddin Baki (IAB), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) serta Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) agar kursus-kursus dan latihan-latihan kepimpinan instruksional dapat dirancang bagi memantapkan kepimpinan instruksional pemimpin-pemimpin sekolah, khasnya di sekolah transformasi.

Oleh itu, kajian ini akan menjawab persoalan berikut:

- Apakah tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar sekolah transformasi di daerah Miri?
- Apakah tahap motivasi guru-guru sekolah transformasi di daerah Miri?
- Apakah terdapat hubungan antara tahap kepimpinan instruksional guru besar dengan motivasi guru sekolah transformasi di daerah Miri?

Bagi menjawab persoalan tersebut, satu instrumen yang diubah-suai dari instrumen *Leadership Behavior Description Questionnaire* (LDBQ) dan *Questionnaire*

Measure of Individual Differences in Achieving Tendency (QMAT) telah ditadbir secara atas talian menggunakan *google form*. Dapatkan instrumen ini seterusnya dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif iaitu min, sisihan piawai, frekuensi dan peratus digunakan untuk menjawab persoalan kajian pertama dan kedua. Sementara analisis inferensi iaitu analisis korelasi Pearson digunakan bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga.

Artikel ini secara keseluruhannya mempunyai enam bahagian. Bahagian pertama adalah pengenalan, diikuti bahagian kedua iaitu pernyataan masalah, diikuti bahagian ketiga iaitu tinjauan literatur yang akan membincangkan konsep amalan kepimpinan instruksional, teori motivasi yang terlibat serta kajian-kajian lepas merangkumi kajian dalam negara dan kajian luar negara. Seterusnya, artikel ini akan membincangkan dapatan kajian serta perbincangannya. Akhir sekali dibincangkan kesimpulan kajian.

II. PENYATAAN MASALAH

Hallinger (2018) menyatakan bahawa kepimpinan instruksional penting dalam mempengaruhi pembelajaran murid. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian Ismail et. al. (2018) yang mendapati bahawa terdapat hubungan korelasi yang kuat antara kepimpinan instruksional dan kompetensi fungsional guru. Pambudi dan Gunawan (2019) juga ada mengkaji tentang kepimpinan instruksional sebagai usaha untuk meningkatkan profesionalisme guru dalam era revolusi perindustrian 4.0 dan mendapati bahawa kepimpinan instruksional mempunyai pengaruh terhadap peningkatan profesionalisme guru-guru. Justeru, peranan kepimpinan instruksional dalam dunia pendidikan adalah besar dan memberi impak terhadap pendidikan sesebuah institusi.

Walau bagaimanapun, Keong, Ghani dan Abdullah (2018) mendapati pentadbir sekolah kurang dapat menerima pandangan dan cadangan untuk membangunkan sekolah supaya lebih cemerlang. Selain itu, mereka juga mendapati bahawa pentadbir kurang menerima perubahan dan kurang fleksibel. Hal ini akan mempengaruhi kepimpinan instruksional pentadbir dan seterusnya memberi impak terhadap guru dan murid. Danielle dan Jerry (2017) menyokong kenyataan ini dengan menyatakan bahawa kepimpinan instruksional dapat membentuk pemimpin yang berwibawa dan menampaik aspek kepuasan kerja guru seterusnya memberi kesan terhadap prestasi dan produktiviti kerja guru.

Oleh itu, para pentadbir perlu dilatih dengan kepimpinan instruksional yang berkualiti agar dapat dimanfaatkan dalam pentadbiran dan pengurusan di sekolah, menghasilkan budaya kerja yang produktif dan iklim sekolah yang cemerlang.

III. TINJAUAN LITERATUR

Amalan Kepimpinan Instruksional

Menurut Danielle dan Jerry (2017), kepimpinan instruksional merupakan apa-apa tindakan yang dilakukan oleh pengetua atau guru besar untuk mentadbir dan mengurus sekolah. Robinson et. al. dalam Ghavifekr, Radwan dan Velarde (2019) menyatakan bahawa konsep kepimpinan instruksional merangkumi dua pendekatan iaitu pendekatan ekslusif dan pendekatan inklusif. Dalam pendekatan ekslusif, pengetua atau guru besar bertanggungjawab penuh terhadap pengurusan, pengajaran dan pembelajaran, penetapan hala tuju sekolah serta penilaian dan pembangunan instruksional dalam meningkatkan pencapaian akademik murid. Pendekatan inklusif pula merujuk kepada kolaborasi antara pengetua atau guru besar dengan staf sekolah (Hallinger & Murphy dalam Ghavifekr, Radwan & Velarde, 2019)

Shafinaz (2017) pula berpendapat bahawa pengetua sebagai seorang pemimpin instruksional bertanggungjawab dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan mampan agar memberi impak yang positif terhadap kecemerlangan murid. Hal ini selari dengan dapatan kajian Md Yasin dan Mohd Hamzah (2018) yang menyatakan bahawa komitmen guru dipengaruhi oleh amalan kepimpinan instruksional pengetua. Guru yang berkomitmen tinggi akan sentiasa berusaha mencari cara untuk mencemerlangkan muridnya. Oleh hal yang demikian, amalan kepimpinan instruksional pemimpin sekolah mempunyai impak yang besar terhadap keberhasilan murid.

Teori Motivasi Herzberg

Teori Herzberg membincangkan tentang dua faktor iaitu faktor ‘Motivators’ dan faktor ‘Hygiene’. Faktor ‘Motivators’ merupakan faktor intrinsik yang meningkatkan kepuasan kerja, manakala ‘Hygiene’ merupakan faktor ekstrinsik untuk mengelakkan ketidakpuasan. Osemeke dan Adegboyega (2017) menjelaskan bahawa kedua-dua faktor tersebut tidak saling bergantung. Faktor ekstrinsik hanya akan membuang rasa ketidakpuasan hati pekerja tanpa memberi kepuasan kerja. Manakala, faktor intrinsik mempengaruhi dalam menyuntik semangat pekerja untuk lebih produktif dan efektif. Oleh itu, faktor ‘Motivators’ lebih mempengaruhi motivasi kerja berbanding faktor ‘Hygiene’ yang hanya bertindak untuk mengelak ketidakpuasan hati pekerja. Walaupun faktor ‘Hygiene’ tidak memberi motivasi, tetapi tanpa faktor ‘Hygiene’ akan wujud ketidakpuasan yang akan menyumbang kepada penurunan prestasi kerja. Rajah 2 menunjukkan ringkasan teori Herzberg.



Rajah 2. Teori Dua Faktor Herzberg

Kajian-kajian Luar Negara

Hallinger, Gümüş dan Bellibaş (2020) telah membuat tinjauan literatur sistematik dan mendapati bahawa kajian tentang kepimpinan instruksional telah berkembang bukan sahaja dari aspek jumlah kajiannya tetapi juga ruang lingkup geografi. Mereka mendapati antara kajian terkini berkaitan amalan kepimpinan instruksional adalah meliputi aspek kesan terhadap guru dan murid, konteks latihan amalan kepimpinan dan pembangunan pemimpin instruksional.

Boyce dan Bowers (2018) turut membuat tinjauan literatur sistematik berkaitan amalan kepimpinan instruksional dan mendapati terdapat empat tema utama kajian kepimpinan instruksional yang dianalisis dengan menggunakan data ‘Schools and Staffing Survey’ (SASS). Empat tema tersebut adalah kepimpinan pemimpin sekolah dan pengaruhnya, autonomi guru dan pengaruhnya, perkembangan orang dewasa dan iklim sekolah. Menurut Boyce dan Bowers (2018) lagi, tiga faktor yang paling banyak diteliti dalam kajian kepimpinan instruksional adalah kepuasan guru, komitmen guru dan pengekalan guru.

Kajian-kajian Dalam Negara

Md Yusof dan Abdul Wahab (2019) telah mengkaji hubungan antara amalan kepimpinan instruksional pengetua dengan komitmen guru di Sekolah Berprestij Tinggi (SBT), dan mendapati terdapat hubungan korelasi yang kuat antara kedua-duanya. Sementara itu, Amin dan Hamzah (2021) pula telah mengkaji hubungan antara amalan kepimpinan instruksional guru besar dengan komitmen guru sekolah rendah, dan mendapati bahawa kedua-duanya berhubungan secara signifikan. Kedua-dua kajian ini membuktikan bahawa amalan kepimpinan instruksional pemimpin sekolah sama ada pengetua mahupun guru besar mempunyai hubungan yang signifikan dengan komitmen guru.

Shafinaz (2017) serta Ambotang dan Jadin (2020) pula mengkaji dari perspektif hubungan amalan kepimpinan instruksional dengan kecerdasan emosi. Kedua-duanya mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional dengan kecerdasan emosi pengetua.

Menurut Mohd Hamzah, Rahmat dan Salwana (2018) pula terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional dengan komuniti pembelajaran profesional guru besar. Abdullah dan Ling (2019) turut mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional dan komuniti pembelajaran profesional. Dapatkan ini juga selari dengan dapatan kajian Yasim, Mansor dan Ab Hamid (2020) serta kajian Ahmad dan Wahab (2021). Kesimpulannya, kajian-kajian ini menjelaskan bahawa kepimpinan instruksional mempunyai impak ke atas amalan komuniti pembelajaran profesional.

V. DAPATAN KAJIAN

Dapatkan kajian adalah berdasarkan data yang diperoleh melalui analisis deskriptif dan analisis inferensi. Jadual 1 menunjukkan analisis deskriptif profil demografi responden. Berdasarkan Jadual 1, responden terdiri daripada 31 orang (25.2%) lelaki dan 92 orang (74.8%) perempuan. Majoriti responden berumur dalam lingkungan 31 - 40 tahun iaitu seramai 55 orang (44.7%), diikuti 41 - 50 tahun seramai 38 orang (30.9%), 21 - 30 tahun seramai 17 orang (13.8%) dan 51 - 60 tahun seramai 13 orang (10.6%). Dari segi kelayakan akademik, seramai 106 orang responden iaitu 86.2% adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda. Sementara seorang responden (0.8%) merupakan pemegang diploma, 9 orang responden (7.3%) pemegang sijil / diploma perguruan dan 7 orang responden (5.7%) pemegang Ijazah Sarjana. Seterusnya, 96 orang responden iaitu seramai 78% berkhidmat di Sekolah Kebangsaan (SK), manakala 25 orang responden (20.3%) berkhidmat di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK).

JADUAL 1: PROFIL DEMOGRAFI RESPONDEN

Kandungan			
Profil	Kekerapan	Peratus (%)	
Jantina	Lelaki Perempuan	31 92	25.2 74.8
Umur	21 - 30 tahun 31 - 40 tahun 41 - 50 tahun 51 - 60 tahun	17 55 38 13	13.8 44.7 30.9 10.6
Kelayakan akademik	Diploma Sijil / Diploma Perguruan Ijazah Sarjana Muda Ijazah Sarjana	1 9 106 7	0.8 7.3 86.2 5.7
Pengalaman Mengajar	1 - 5 tahun 6 - 10 tahun 11 - 15 tahun 16 tahun ke atas	15 31 37 40	12.2 25.2 30.1 32.5
Jenis sekolah	Sekolah Kebangsaan (SK) Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)	96 25	78.0 20.3

Tahap Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar Sekolah Transformasi di Daerah Miri

Analisis deskriptif iaitu min dan sisihan piawai telah digunakan bagi mengenal pasti tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar sekolah transformasi di daerah Miri. Tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar yang dikaji terdiri daripada tujuh dimensi iaitu merangka matlamat sekolah, menyebar luas matlamat sekolah, penyeliaan dan penilaian pengajaran, menyelaras kurikulum, memantau kemajuan murid, melindungi masa instruksional dan mengekalkan keberadaan.

JADUAL 2: TAHAP AMALAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL GURU BESAR SEKOLAH TRANSFORMASI DI DAERAH MIRI

Kandungan	Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Merangka Matlamat Sekolah	4.42	0.58	Tinggi	
Menyebar Luas Matlamat Sekolah	4.42	0.28	Tinggi	
Penyeliaan dan Penilaian Pengajaran	4.64	0.56	Tinggi	
Menyelaras Kurikulum	4.37	0.61	Tinggi	
Memantau Kemajuan Murid	4.51	0.60	Tinggi	
Melindungi Masa Instruksional	4.37	0.61	Tinggi	
Mengekalkan Keberadaan	4.59	0.57	Tinggi	
Tahap Keseluruhan	4.47	0.59	Tinggi	

Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhan, dapatkan menunjukkan bahawa tahap amalan kepimpinan guru besar sekolah transformasi di daerah Miri adalah pada tahap yang tinggi ($\text{min} = 4.47$, $\text{s.p.} = 0.59$). Dimensi yang mencatat skor tertinggi adalah dimensi penyeliaan dan penilaian pengajaran ($\text{min} = 4.64$, $\text{s.p.} = 0.56$), diikuti dimensi mengekalkan keberadaan ($\text{min} = 4.59$, $\text{s.p.} = 0.57$) dan seterusnya dimensi memantau kemajuan murid ($\text{min} = 4.51$, $\text{s.p.} = 0.60$). Dimensi yang menunjukkan skor terendah adalah dimensi menyelaras kurikulum dan melindungi masa instruksional ($\text{min} = 4.37$, $\text{s.p.} = 0.61$).

Tahap Motivasi Guru-guru Sekolah Transformasi di Daerah Miri

Bagi mengenal pasti tahap motivasi guru-guru sekolah transformasi di daerah Miri, analisis deskriptif iaitu min dan sisihan piawai telah digunakan. Tahap motivasi guru yang dikaji terdiri daripada empat dimensi iaitu keseronokan, persepsi dan kompetensi, daya usaha / kepentingan dan tekanan.

JADUAL 3: TAHAP MOTIVASI GURU-GURU SEKOLAH TRANSFORMASI DI DAERAH MIRI

Kandungan	Dimensi	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Keseronokan	4.42	0.58	Tinggi	
Persepsi dan Kompetensi	4.37	0.61	Tinggi	
Daya Usaha / Kepentingan	4.39	0.65	Tinggi	
Tekanan	4.28	0.76	Tinggi	
Tahap Keseluruhan	4.37	0.65	Tinggi	

Merujuk kepada Jadual 3, secara keseluruhan, dapatkan menunjukkan bahawa tahap motivasi guru-guru sekolah transformasi di daerah Miri adalah pada tahap yang tinggi (min = 4.37, s.p. = 0.65). Dimensi yang mencatat skor tertinggi adalah dimensi keseronokan (min = 4.42, s.p. = 0.58), diikuti dimensi daya usaha / kepentingan (min = 4.39, s.p. = 0.65) dan seterusnya dimensi persepsi dan kompetensi (min= 4.37, s.p. = 0.61). Dimensi yang menunjukkan bacaan terendah adalah tekanan (min = 4.28, s.p. = 0.76). Dimensi ini juga menunjukkan bacaan sisihan piawai yang tinggi iaitu 0.76 yang menunjukkan data tertabur dengan luas dan respons bagi item ini adalah tidak konsisten.

Hubungan antara Tahap Kepimpinan Instruksional Guru Besar dengan Motivasi Guru Sekolah Transformasi di daerah Miri

Analisis inferensi iaitu Ujian Korelasi Pearson telah digunakan bagi mengenal pasti tahap kepimpinan instruksional guru besar dengan guru-guru sekolah transformasi di daerah Miri. Kekuatan nilai korelasi yang digunakan adalah berdasarkan Jadual 4.

JADUAL 4: INTERPRETASI KEKUATAN HUBUNGAN KORELASI

Kandungan	Nilai Korelasi Koefisien	Kekuatan Hubungan Korelasi
	$r = 0$	Tiada hubungan
	$r \leq 0.35$	Hubungan lemah
	$0.36 \leq r \leq 0.67$	Hubungan sederhana kuat
	$0.68 \leq r \leq 0.89$	Hubungan yang kuat (ketara)
	$r \geq 0.9$	Hubungan yang sangat kuat
	$r = 1.0$	Sempurna

Sumber: Taylor (1990)

JADUAL 5: ANALISIS KORELASI PEARSON AMALAN KEPIMPINAN GURU BESAR DENGAN TAHAP MOTIVASI GURU

Kandungan	Tahap Kepimpinan Instruksional Guru Besar	Tahap Motivasi Guru
Tahap Kepimpinan Instruksional Guru Besar	Korelasi Pearson Sig. (2 hujung) N	1 .733** 123 123
Tahap Motivasi Guru	Korelasi Pearson Sig. (2 hujung) N	.733** .000 123 123

**Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2 hujung)

Berdasarkan analisis korelasi Pearson dalam Jadual 5 dan interpretasi kekuatan hubungan korelasi dalam Jadual 4, dapatkan menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat antara amalan kepimpinan intruksional guru besar dan tahap motivasi guru sekolah transformasi di daerah Miri ($r = 0.733, p < 0.01$). Dapatkan ini menunjukkan bahawa tahap kepimpinan instruksional guru besar mempengaruhi tahap motivasi guru.

VI. PERBINCANGAN

Kajian ini mengkaji tentang amalan kepimpinan instruksional guru besar dan hubungannya dengan motivasi guru di sekolah transformasi. Berdasarkan kajian-kajian lepas, kajian ini didapati mengisi jurang kajian. Kebanyakan kajian lepas berfokuskan kepada amalan kepimpinan instruksional di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Namun kajian ini berfokuskan kepada sekolah transformasi, sekaligus mengisi jurang kajian.

Berdasarkan hasil kajian, tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar sekolah transformasi di daerah Miri adalah pada tahap yang tinggi. Ketujuh-tujuh dimensi yang dikaji iaitu merangka matlamat sekolah, menyebarkan luas matlamat sekolah, penyeliaan dan penilaian pengajaran, menyelaras kurikulum, memantau kemajuan murid, melindungi masa instruksional dan mengekalkan keberadaan menunjukkan skor min yang tinggi. Hal ini bermakna guru besar sekolah transformasi mengamalkan kepimpinan instruksional meliputi ketujuh-tujuh dimensi dengan baik.

Dapatkan ini menunjukkan bahawa tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar di sekolah transformasi adalah tidak berbeza daripada amalan kepimpinan instruksional di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Menurut Ramasamy dan Wahab (2020), amalan kepimpinan instruksional guru besar di sekolah kebangsaan adalah pada tahap yang tinggi.

Dapatkan yang sama juga ditunjukkan oleh Vadiappan, Mydin dan Ali (2021) yang mengkaji amalan kepimpinan instruksional guru besar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Dalam ruang lingkup sekolah menengah, Ismail et. al. (2018), Md Yasin dan Mohd Hamzah (2018), serta Si-Rajab dan Musa (2020) mendapati amalan kepimpinan instruksional pengetua adalah pada tahap yang tinggi. Hal ini membuktikan bahawa tahap amalan kepimpinan guru besar di sekolah transformasi adalah seiring dengan sekolah-sekolah lain.

Seterusnya, dapatkan kajian juga menunjukkan tahap motivasi guru-guru di sekolah transformasi berada pada tahap yang tinggi. Dapatkan ini selari dengan dapatkan Lai dan Han (2017) serta Muruga dan Hamid (2020). Menurut Lai dan Han (2017), kepimpinan yang baik akan memberi motivasi kepada pekerja untuk mencapai matlamat organisasi bersama-sama pemimpin. Hal ini turut dipersetujui oleh Muruga dan Hamid (2020) yang menyatakan bahawa gaya kepimpinan yang diamalkan oleh pentadbir sesebuah organisasi merupakan salah satu faktor utama yang berpengaruh terhadap motivasi, kreativiti, kepuasan kerja dan kejayaan organisasi.

Kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat antara amalan kepimpinan instruksional guru besar dan tahap motivasi guru sekolah transformasi di daerah Miri. Hal ini bertepatan dengan hasil kajian Amin dan Mohd Hamzah (2021) yang menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional pengetua dengan komitmen guru iaitu menunjukkan korelasi yang kuat. Walaupun kajian mereka berkisar tentang sekolah menengah dan amalan kepimpinan instruksional pengetua, namun dapatkan mereka adalah selari dengan penemuan di sekolah transformasi. Hal ini membuktikan bahawa amalan kepimpinan instruksional pentadbir sekolah mempengaruhi komitmen dan motivasi guru dalam melaksanakan tugas, seterusnya mempengaruhi kecemerlangan organisasi sekolah.

VII. KESIMPULAN

Kesimpulannya, tahap kepimpinan instruksional guru besar di sekolah transformasi adalah tinggi. Demikian juga dengan tahap motivasi guru-guru sekolah transformasi. Kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara kepimpinan instruksional guru besar dengan motivasi guru. Justeru, guru besar perlu melengkapkan diri dengan amalan kepimpinan instruksional yang mantap agar dapat mengerakkan guru-guru dengan lebih efektif dan produktif. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah, khususnya Unit ‘School Improvement Partners’ (SIP+) boleh mengatur strategi bagi memperkasakan amalan kepimpinan instruksional guru besar. Usaha ini boleh digembung bersama Institut Aminuddin Baki (IAB), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dengan usaha daripada semua pihak, diharapkan organisasi sekolah akan menjadi lebih cemerlang dan mampu melahirkan generasi yang hebat dan mampu.

RUJUKAN

- Abdullah, A. G. K., & Ling, Y. L. (2019). Pengaruh moderator bagi komuniti pembelajaran profesional terhadap kepimpinan instruksional pengetua dan efikasi kolektif guru. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(3), 1-16.
- Ahmad, N. D. B. S., & Wahab, J. L. B. A. (2021). Hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dengan amalan komuniti pembelajaran profesional guru di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 152-166.
- Ambotang, A. S., & Jadin, H. (2020). Hubungan amalan kepimpinan instruksional pengetua dan kecerdasan emosi dengan efikasi kendiri guru Sekolah Menengah di daerah Semporna Sabah. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 31-39.
- Amin, D. R. A., & Hamzah, M. I. M. (2021). Tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar dan hubungannya dengan tahap komitmen guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 135-151.
- Azeez, M. I. K., Ibrahim, M. S., & Mustapa, R. (2017). Kompetensi kepemimpinan instruksional di kalangan pengetua sekolah satu kajian empirikal di negeri Selangor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(3), 1-14.
- Bhaskaran, K., & Hamid, A. H. A. (2020). Amalan kepimpinan instruksional pengetua di sekolah menengah di bandar Banting. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1), 264-284.
- Boyce, J., & Bowers, A. J. (2018). Toward an evolving conceptualization of instructional leadership as leadership for learning: Meta-narrative review of 109 quantitative studies across 25 years. *Journal of Educational Administration*.
- Danielle, F. C. Y., & Jerry, M. K. A. (2017). Analisis perbandingan kepimpinan instruksional pengetua dan kepuasan kerja guru. *International Journal of Psychology and Counselling* 2(5): 318-339.
- Eng, J. A. J., & Ramiah, B. (2013). *Kepimpinan Instruksional: Satu Panduan Praktikal* (Edisi Kedua). PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ghavifekr, S., Radwan, O., & Velarde, J. M. (2019). Teachers' perceptions of principals' instructional leadership roles and practices. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 44(2), 72-83.
- Hallinger, P., Gümüş, S., & Bellibaş, M. Ş. (2020). 'Are principals instructional leaders yet?'A science map of the knowledge base on instructional leadership, 1940–2018. *Scientometrics*, 122(3), 1629-1650.
- Hallinger, P., Heck, R. H., & Murphy, J. (2014). Teacher evaluation and school improvement: An analysis of the evidence. *Educational Assessment, Evaluation and Accountability*, 26(1), 5-28.
- Hallinger, P. (2018). Principal instructional leadership: From prescription to theory to practice. *The Wiley handbook of teaching and learning*, 505-528.

- Ismail, S. N., Don, Y., Husin, F., & Khalid, R. (2018). Instructional leadership and teachers' functional competency across the 21st century learning. *International Journal of Instruction*, 11(3), 135-152.
- Keong, C. C., Ghani, M. F. A., & Abdullah, Z. (2018). Cabaran amalan komuniti pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah berprestasi tinggi Malaysia. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 1-14.
- Lai, E. & Han, C. G. K. 2017. Hubungan kepimpinan pengetua dengan motivasi guru. *International Journal of Education* 2(5): 145-159.
- Md Yasin, Z., & Mohd Hamzah, M. I. (2018). Amalan kepimpinan instruksional pengetua dan hubungannya dengan komitmen guru di sekolah menengah daerah Seremban, Negeri Sembilan. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 31(1).
- Md Yusof, R., & Abdul Wahab, J. L. (2019). Kepimpinan instruksional pengetua dan hubungannya dengan komitmen guru di Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) di daerah Seremban. *International Journal of Education*, 4(33), 107-121.
- Mohd Hamzah, M. I., Rahmat, Z., & Salwana, B. (2018). Kepimpinan instruksional dan hubungannya dengan amalan komuniti pembelajaran profesional guru besar di sekolah rendah daerah Klang. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 31(2).
- Murgaya, T. S., & Hamid, A. H. A. (2020). Kepimpinan karismatik pentadbir dan hubungannya terhadap motivasi guru sekolah rendah. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(4), 415-429.
- Osemeke, M., & Adegboyega, S. (2017). Critical review and comparism between Maslow, Herzberg, and McClelland's theory of needs. *Funai Journal of Accounting, Business and Finance*, 1(1), 161-173.
- Pambudi, B. A., & Gunawan, I. (2019, December). Instructional leadership as an effort to increase teacher professionalism in the industrial revolution era 4.0. In *the 4th International Conference on Education and Management (COEMA 2019)*. Atlantis Press.
- Ramasamy, M., & Wahab, J. L. A. (2020). Amalan kepimpinan instruksional guru besar di sekolah kebangsaan daerah Kuala Langat. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 1-8.
- Shafinaz, A. M. (2017). *Hubungan antara kecerdasan emosi dan kepimpinan instruksional pengetua dengan efikasi kendiri guru sekolah menengah kebangsaan di Negeri Sembilan/Shafinaz A. Maulod* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Si-Rajab, S., & Musa, K. (2020). The level of instructional leadership practices among principals of national religious secondary school in Malaysia. *International Journal of Scientific Research and Management (IJSRM)*, 7(3): 927-939.
- Vadiappan, A., Mydin, A. A., & Ali, A. J. (2021). Amalan kepimpinan instruksional guru besar dan hubungannya dengan tanggapan sokongan organisasi guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(4), 94-107.
- Yasim, J. M., Mansor, A. N., & Ab Hamid, A. H. (2020). Kepimpinan instruksional abad ke-21 dan amalan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru besar di Malaysia. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 3(2), 21-37.